



IKLAN JAWATAN KOSONG

LEMBAGA GETAH MALAYSIA

MALAYSIAN RUBBER BOARD

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan mempunyai komitmen yang tinggi untuk berkhidmat di Lembaga Getah Malaysia dalam jawatan seperti berikut:

BIL	JAWATAN	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	KUMPULAN	TARAF JAWATAN	GRED & JADUAL GAJI
1.	PEGAWAI PENYELIDIK	PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL	TETAP	Q41 Minimum - Maksimum RM2,145.88 – RM6,871.56
2.	PENOLONG JURUTERA	PERKHIDMATAN KEJURUTERAN	PELAKSANA	TETAP	J29 Minimum - Maksimum RM1,750.82 – RM4,456.92
3.	PENOLONG PEGAWAI PENYELIDIK	PERKHIDMATAN DAN PEMBANGUNAN	PELAKSANA	TETAP	Q27 Minimum - Maksimum RM1,364.57 – RM4,431.37
4.	PENOLONG PEGAWAI PENGUATKUASA	PENTADBIRAN DAN SOKONGAN	PELAKSANA	TETAP	N27 Minimum - Maksimum RM1,361.14 – RM4,427.94
5.	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)	PENTADBIRAN DAN SOKONGAN (N)	PELAKSANA	TETAP	N17 Minimum - Maksimum RM927.03 – RM3,089.68
6.	PEMBANTU PENYELIDIK	PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN	PELAKSANA	TETAP	Q17 Minimum - Maksimum RM930.44 – RM3,093.10
7.	JURUTEKNIK	PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN	PELAKSANA	TETAP	J17 Minimum - Maksimum RM952.66 – RM3,299.86
8.	PENGAWAL KESELAMATAN	KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM (KP)	PELAKSANA	TETAP	KP11 Minimum - Maksimum RM836.90 - RM 2,458.15
9.	OPERATOR LOJI	MAHIR/SEPARUH MAHIR/TIDAK MAHIR (R)	PELAKSANA	TETAP	R3 Minimum - Maksimum RM792.60 – RM2,007.76
10.	PEKERJA AWAM	MAHIR/SEPARUH MAHIR/TIDAK MAHIR (R)	PELAKSANA	TETAP	R1 Minumum - Maksimum RM731.69 – RM1,797.34

TARIKH IKLAN DIBUKA: 22 JULAI 2013

JAWATAN 1: PEGAWAI PENYELIDIK GRED Q41**Syarat Lantikan**

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang sains yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - (b) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang pertanian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41 RM2,249.66); atau
 - (c) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41 RM2,353.44); atau
 - (d) Ijazah Sarjana dalam bidang sains yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41 RM2,664.78); atau
 - (e) Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang sains daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41 RM2,976.11); atau
- Dan
- (f) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

JAWATAN 2: PENOLONG JURUTERA GRED J29**Syarat Lantikan**

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred J29 RM1,826.02)
- Dan
- (b) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

JAWATAN 3: PENOLONG PEGAWAI PENYELIDIK GRED Q27**Syarat Lantikan**

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan mendapat Prinsipal dalam subjek Matematik atau Ilmu Sains; atau
- (b) Diploma dalam bidang sains yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q27 RM1,665.37); atau
- (c) Diploma Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q27 RM1,740.57)

Dan

- (d) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Penyelidik adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Penyelidik Gred Q27, tetakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) (i) Mempunyai kelayakan di perenggan (a), (b) dan (c) di atas; atau
(ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan
(b) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

JAWATAN 4: PENOLONG PEGAWAI PENGUATKUASA GRED N27

Syarat Lantikan Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
- (b) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
- (c) Diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
(Gaji permulaan ialah pada Gred N27 RM1,661.95); atau
- (d) Bekas Inspektor Polis Diraja Malaysia atau Leftenan Angkatan Tentera Malaysia atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N27 RM1,361.14)
- (e) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:
- (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa sepatu;
- (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
- (iii) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79cm dan semasa menarik nafas 84cm bagi lelaki (lelaki sahaja);
- (iv) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan mata kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- (v) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak catat; dan
- (vi) diakui sihat dan sesuai oleh Pegawai Perubatan kerajaan

Dan

- (f) Calon yang memiliki kelayakan di perenggan (a), (b) dan (c) hendaklah Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Penguatkuasa adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Penguatkuasa Gred N27, tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) (i) Mempunyai kelayakan mengikut syarat lantikan diperenggan a - c di atas; atau
- (ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

JAWATAN 5: PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N17

Syarat Lantikan Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Dan

- (b) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan dalam mengendalikan komputer dan/atau mengambil trengkas)

Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Bentara Parlimen adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17, tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) (i) Mempunyai kelayakan mengikut syarat lantikan diperenggan (a) di atas; atau
- (ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan
- (c) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

JAWATAN 6: PEMBANTU PENYELIDIK GRED Q17

Syarat Lantikan Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
- (b) Sijil dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q17: RM1,268.83); atau

- (c) Sijil Institut Pertanian atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan pada Gred Q17: RM1,325.23)

Dan

- (d) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

JAWATAN 7: JURUTEKNIK GRED J17

Syarat Lantikan Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Sijil dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred J17: RM1,417.59); atau

Dan

- (b) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

JAWATAN 8: PENGAWAL KESELAMATAN GRED KP11

Syarat Lantikan Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau

- (b) Bekas Konstabel Polis Diraja Malaysia atau Prebet Angkatan Tentera Malaysia yang telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan;

- (c) Mempunyai syarat –syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:

- i. Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa sepatu;
- ii. Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
- iii. Mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79cm dan semasa menarik nafas 84cm (lelaki sahaja);
- iv. Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata; dan
- v. Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat.

Dan

- (d) Calon yang memiliki kelayakan di perenggan (a) hendaklah lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Pejabat, Atendan Kesihatan dan Atendan Haiwan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pengawal Keselamatan Gred KP11, tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) (i) Mempunyai kelayakan diperenggan (a) – (b) di atas; atau
- (ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

JAWATAN 9: OPERATOR LOJI GRED R3

Syarat Lantikan Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Tamat Darjah 6 sekolah rendah bantuan penuh kerajaan;
- (b) Sekurang-kurangnya memiliki Sijil Kecekapan Pemandu Enjin Pembakaran Dalam (I.C) Gred II atau Sijil Kecekapan Pemanduan Enjin Stim/Dandang Gred II mengikut mana yang berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan; dan
- (c) Berkebolehan mengendalikan Loji Pembakaran Dalam 40-100 Kuasa Kuda atau Loji Stim/Dandang yang luas permukaan pembakarannya di bawah 100 kaki persegi yang mana berkenaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred R3: RM884.90)

Dan

- (b) Berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan baik.

Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pekerja Awam adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Operator Loji gred R3, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) Mempunyai kelayakan diperenggan (a) – (c) di atas; dan
- (b) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan

JAWATAN 10: PEKERJA AWAM GRED R1

Syarat Lantikan Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
- (b) Berkebolehan menjalankan bidang kerja berkaitan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

(Gaji permulaan ialah pada Gred R1:RM823.98)

Dan

- (c) Berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan baik.

UMUR

- (a) Calon lantikan terus hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun.
- (b) Pegawai sedang berkhidmat untuk Kenaikan Pangkat Secara Lantikan hendaklah berumur tidak melebihi dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

CARA MEMOHON

Permohonan secara *online* dengan melayari laman web <http://lqmjob.lqm.gov.my/vacancy/Login.aspx>

TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 4 OGOS 2013 (AHAD)

CATATAN AM

- (a) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga melalui emel.
- (b) Pemohon-pemohon yang **tidak menerima sebarang jawapan selepas 3 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.**

- (c) Permohonan yang lewat diterima dan tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.
- (d) Sila **cetak borang permohonan online untuk simpanan**. Jika layak dipanggil temu duga, tuan/puan perlu membawa borang permohonan tersebut beserta dengan:-
- (i) *Salinan Sijil, Salinan Kad Pengenalan, Sijil Berhenti Sekolah dan Sijil Kelahiran dan gambar terkini berukuran pasport ditampal pada borang permohonan.
- (Nota : * pemohon dikehendaki mencetak status nilai taraf sijil kelayakan melalui laman web JPA di <http://pengiktirafan.jpa.gov.my/>)
- (ii) Permohonan daripada Pegawai-pegawai sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing dan pastikan salinan Kenyataan Perkhidmatan yang kemaskini dan Laporan Penilaian Prestasi terkini disertakan bersama.

Tarikh : 22 JULAI 2013